

31/01/2002

Singapura kaut untung berganda air mentah Malaysia

A Ghani Nasir

SETIAP kali isu bekalan air dari Johor ke Singapura timbul dan hangat diperkatakan, pemimpin republik itu akan berkokok lantang sehingga ada yang sanggup menidakkan pergantungan republik itu kepada ihsan jiran terdekatnya.

Bagi membuktikan keazaman dan keangkuhannya tidak mahu dan mungkin tidak perlu lagi bergantung kepada Johor, Singapura merangka dua rancangan mengatasi masalah bekalan airnya.

Pertama pada 1991, Singapura memeterai satu perjanjian persefahaman dengan Indonesia meneroka kemungkinan mendapatkan bekalan air dari Bintan, di Kepulauan Riau dan Sungai Kampar, Sumatera.

Kedua, ia sudah pun mengeluarkan tender bagi membina sebuah loji sulingan air masin di Changi menelan belanja kira-kira S\$1 bilion (RM2.08 bilion). Projek ini dijadualkan siap pada 2005.

Bagaimanapun, dua projek yang diharap-harapkan melepaskan langsung pergantungan Singapura kepada bekalan air Johor itu menghadapi pelbagai rintangan termasuk soal pembiayaan dan harga air.

Air dari loji sulingan itu mungkin boleh digunakan sebagai air industri saja iaitu bukan untuk minuman dan penggunaan domestik kerana kos pembersihan begitu tinggi manakala bekalan dari Bintan dan Kampar itu mungkin kekal di meja perancangan saja tanpa tanda-tanda dapat menjadi realiti.

Pada hakikatnya, Menteri Kanan Lee Kuan Yew kini sedar walau apapun rancangan dirangka setakat ini dengan harapan untuk mengetepikan Malaysia, Singapura tetap mengharapkan bekalan air mentah dari Johor mungkin buat selama-lamanya.

Malah Singapura mungkin sanggup melancarkan perang kilat menawan seluruh kawasan tadahan airnya di Johor bagi menjamin rakyatnya tidak mati kerana kekurangan atau kehabisan air.

Dari segi strategik, Tambak Johor yang ada kini seboleh-bolehnya juga perlu dikekalkan dan tidak diganti dengan sebuah jambatan sebagaimana dicadangkan Malaysia, semata-mata bagi memudahkan kereta kebal dan perisai Singapura menggempur Johor Bahru lantas ke Pulau dan Pontian.

Bagaimanapun, buat masa ini rancangan perang itu menjadi sebahagian daripada rangka latihan bagi askar Singapura, sedang soal harga air perlu dibawa ke meja rundingan dua hala dengan Malaysia.

Bagi Malaysia, tidak timbul langsung soal tidak mahu atau menghentikan membekalkan air kepada Singapura bukan saja atas dasar perikemanusiaan dan belas ihsan, tetapi mengenangkan republik itu adalah jiran dan pada satu masa tidak berapa lama dulu adalah sebahagian daripada wilayah jajahan kerajaan Johor Lama dan kerajaan Melayu Riau.

Kini saja, Johor membekalkan 350 juta gelen air mentah sehari ke Singapura dengan harga 3 sen setiap 1,000 gelen bermakna republik itu membayar RM3.83 juta setahun.

Jika dicongak, setiap penduduk Singapura daripada seramai 4.017 juta itu hanya membayar kira-kira RM0.95 sen saja setahun bagi bekalan air mentah itu atau cuma S\$0.47 sen saja.

Bekalan air itu disalurkan ke Singapura berdasarkan dua perjanjian. Perjanjian dimeterai pada 1961, memberi republik itu hak menyedut 86 juta gelen air sehari dari Gunung Pulau dan Sungai Tebrau serta Sungai Skudai.

Perjanjian kedua pada 1962 pula memberi hak kepada Singapura menyedut 250 juta gelen air sehari dari Sungai Johor dan kawasan tadahan Linggui.

Kerajaan Johor juga bermurah hati apabila membenarkan Singapura menyewa kawasan tanah tempat ia membina loji penapis air itu.

Perjanjian 1961 akan tamat pada 2011 manakala perjanjian kedua akan tamat tempohnya pada 2061.

Lee Kuan Yew yang memberi pelbagai alasan termasuk kononnya khuatir kerajaan akan datang di Malaysia mungkin tidak sebaik hati sebagaimana di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu perjanjian baru dirunding segera bagi menghilangkan segala keraguan mengenai jaminan bekalan air ke Singapura.

Tetapi yang menjadi masalah sekarang adalah soal harga setiap 1,000 gelen air mentah dari Johor.

Selama ini sejak Skim air Gunung Pulai dan Kolam Air Pontian siap pada 1924 dan Loji Air Tebrau memulakan operasi pada 1953, Singapura membayar tiga (3) sen saja bagi 1,000 gelen air mentah.

Ini ditambah lagi dengan bekalan tambahan dari skim bekalan air Sungai Skudai dan Sungai Johor yang memulakan bekalan pada pertengahan 1960-an.

Anehnya, dengan membayar cuma 3 sen itu, Singapura menjual semula 37 juta gelen air bersih kepada Johor dengan harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Ia mendakwa belanja membersihkan air mentah dari sungai di Johor itu adalah RM2.40 setiap 1,000 gelen menyebabkannya Singapura kononnya memberi RM1.90 sen subsidi setiap 1,000 gelen air bersih itu.

Tetapi fakta yang tidak dihebahkan adalah Lembaga Perbekalan Singapura (PUB) menjual air kepada penduduk republik itu pada kadar RM12.10 setiap 1,000 gelen dan untuk kapal mencapai sehingga RM20.00 setiap 1,000 gelen.

Singapura tidak boleh menafikan hakikat ia mengaut keuntungan berlipat ganda itu RM6.60 bagi setiap 1,000 gelen daripada pengguna domestik dan industri manakala daripada beribu-ribu kapal yang berlabuh di perairannya sebanyak RM14.50 setiap 1,000 gelen.

Berdasarkan laporan baru-baru ini, Singapura menganggap ia begitu baik hati apabila menawarkan bayaran 45 sen bagi setiap 1,000 gelen dibelinya dari Johor.

Kalau ia menawarkan RM1.00 bagi setiap 1,000 gelen air pun, ia hanya perlu membayar RM127.75 juta atau purata S\$15.90 setiap penduduk setahun.

Republik itu sebenarnya tidak berpegang kepada realiti apabila ia mengemukakan tawaran terbaru itu.

Bandingkan harga air dibeli oleh Hong Kong dari tanah besar China iaitu RM8 setiap 1,000 gelen, tawaran baru Singapura itu sememangnya amat tidak wajar.

Selepas 2011 dan 2061, yang memerlukan bekalan air mentah adalah Singapura dan Johor sajalah menjadi harapan sedang belanja membina saluran dari Bintan dan Sumatera tidak terhingga mahalnyanya menyebabkan harga segelas air untuk penduduk mencapai kadar tidak munasabah.

Soal keselamatan dan kestabilan yang tidak terjamin sudah tentu menimbulkan pelbagai masalah jika bekalan dari Indonesia itu menjadi kenyataan selain harga bagi setiap meter padu air dijangka meningkat lima hingga lapan kali ganda daripada harga sekarang.

Bagi penduduk seluruh Johor sebaik saja Skim Air Semanggar di Kota Tinggi siap tahun depan mereka dijamin memperoleh 100 peratus bekalan air bersih dan besar kemungkinan 20 peratus bekalan dibeli dari PUB Singapura kini tidak lagi diperlukan.

Dengan anggaran kos keseluruhan projek RM650 juta, loji di Semanggar itu mampu merawat 160 juta liter air sehari dengan 225 kilometer paip agihan, 29 tangki air dan lapan stesen pengepam di Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian.

Sebagai sebuah negara maju dengan pendapatan per kapita rakyatnya mencapai AS\$25,000 (RM95,000) berbanding hanya AS\$3,800 bagi Malaysia, tidak ada sebab bagi Singapura terus mahu mengharap air dengan harga

terlalu murah.

Malaysia khususnya Johor juga perlu memikirkan dari sekarang untuk tidak lagi menjual air mentah tetapi air yang sudah di proses ke Singapura.

Jika Singapura enggan membayar harga yang lebih munasabah bagi air mentah itu, ia tetap boleh mencari sumber lain dan Malaysia tentu sekali tidak akan menentanginya.

Singapura sejak dulu lagi menggiatkan kempen menggesa rakyatnya menjimat dan tidak membazirkan air. Ia juga telah memulakan rancangan menadah air hujan tetapi air hujan yang ditadah di 14 kolam air hanya dapat menampung sedikit saja daripada keseluruhan keperluannya.

Cukai penggunaan air sentiasa dinaikkan sehingga 20 peratus bagi setiap 20 meter padu air digunakan sebulan oleh penduduknya.

Rakyat Singapura sedia membayar untuk mendapatkan air mereka walaupun kerajaan menaikkan cukai setiap tahun. Jadi di manakah letaknya rasional menawarkan 45 sen untuk setiap 1,000 gelen air dari Johor?

(END)